

# MISI MENAWAN BUKIT SEMBILAN, MUADZAM SHAH

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4679-misi-menawan-bukit-sembilan-muadzam-shah](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4679-misi-menawan-bukit-sembilan-muadzam-shah)

BUKIT IBAM, 15 Mac 19 – Sekolah Latihan Tempur TUDM telah menganjurkan aktiviti ‘Health Walk’ 9km di Bukit Sembilan. Aktiviti ini bukan sahaja untuk menguji tahap kecergasan setiap warga SLTT malah dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara pegawai dan anggota.



Turut hadir pegawai memerintah SLTT, Lt Kol Jafridin bin Bahari TUDM selaku pencetus idea aktiviti tersebut bagi memastikan tahap kecergasan anggota SLTT sentiasa berada pada tahap yang baik.



Aktiviti ini turut mendapat kerjasama dari jurulatih jasmani SLTT serta anggota perubatan RSAT SLTT dalam memastikan program berjalan dengan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini berlaku.